



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA MENGGERAKKAN PROGRAM MOBILISASI VAKSIN KOMUNITI (MOVAK), PROGRAM RT CARES #KITABERSAMA DAN BANTUAN KOTAK MITRA DI NEGERI SEMBILAN

14 Ogos 2021, Jelevu – YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique hari ini telah turun padang melakukan tinjauan proses vaksinasi Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) Peringkat Daerah Jelevu bersama Ahli Parlimen Jelevu, YB Datuk Seri Jalaluddin Bin Alias, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pertang, YB Tuan Noor Azmi bin Yusof dan Ahli Undangan Negeri (ADUN) Sungai Lui, YB Tuan Mohd Razi Mohd Ali.

2. Pelaksanaan MOVAK hari ni melibatkan 15 orang sukarelawan daripada Komuniti Rukun Tetangga (KRT) melalui gerakan tiga (3) unit gerak kerja iaitu Unit Panggilan, Unit Mobilisasi dan Unit Jangkauan / Tindakan Komuniti dan seramai 300 orang penduduk dari kawasan Simpang Pertang, Jelevu telah menerima suntikan vaksin COVID-19 dalam Program MOVAK pada hari ini yang turut melibatkan kerjasama Pejabat Daerah Jelevu dan Pejabat Kesihatan Daerah Jelevu.

3. Sejak dimulakan pada 19 Jun 2021 sehingga 14 Ogos 2021, seramai 300,706 orang telah menerima vaksin COVID-19 menerusi program MOVAK ini. Daripada jumlah itu, seramai 201,288 orang adalah penerima dos pertama dan 99,418 orang telah lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19.

4. Sejurus selepas itu, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique telah menyerahkan sebanyak 'Kotak MITRA' iaitu kotak bantuan makanan asas untuk masyarakat India B40 sebanyak 250 kotak kepada Ahli Parlimen Jelevu iaitu YB Datuk Seri Jalaluddin bin Alias dan 250 kotak kepada Ahli Parlimen Jempol, YB Dato' Haji Salim Sharif di Dewan Pusat Khidmat Parlimen Jelevu. 'Kotak MITRA 2021' ini merupakan inisiatif tahun kedua Kementerian Perpaduan Negara (KPN) yang dilaksanakan melalui Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) bertujuan untuk meringankan beban kewangan masyarakat India B40 khususnya ketika berdepan dengan cabaran ekonomi akibat pandemik COVID-19.

5. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique menjelaskan bahawa di bawah program ini Kementerian Perpaduan Negara telah memperuntukkan sebanyak RM12,412,344 bagi menyediakan 73,883 kotak makanan yang akan memanfaatkan 73,883 keluarga masyarakat India B40 di seluruh negara.
6. Program hari ini diakhiri dengan agihan bantuan kotak makanan dan barangan keperluan asas kepada golongan yang terjejas dengan pandemik Covid-19 di Daerah Jempol oleh YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique bersama Ahli Parlimen Jempol, YB Dato' Haji Salim Shariff melalui PROGRAM RT CARES #KITABERSAMA. Program ini dilaksanakan dengan sokongan dan kerjasama pihak agensi Kerajaan, NGO dan sektor korporat.
7. Sejak dilancarkan pada 17 Julai 2021 di Pusat Aktiviti Perpaduan Masjid Tanah, Melaka seramai 12,545 orang penerima telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan PROGRAM RT CARES #KITABERSAMA melalui 35 RT Cares Centre dan 426 KRT.
8. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique menegaskan bahawa Kerajaan begitu serius berusaha untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara dan beliau menyeru masyarakat Malaysia yang terkenal dengan sifat prihatin dan penyayang untuk tampil membantu golongan yang terjejas akibat pandemic COVID-19.

Kementerian Perpaduan Negara

14 Ogos 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (80)